


Pascasiswazah FPPI UNISSA kendali Program Wonders of Sungai Brunei



Oleh : Ihsan Siti Nurhida Abdul Latip, Nurul Amalina Zullkiflee
Foto : Ihsan Ahli-ahli Jawatankuasa Program Wonders of Sungai Brunei



ANTARA yang mengikuti Program Wonders of Sungai Brunei (kiri, atas dan bawah).

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 17 Oktober. - Bersempena dengan Sambutan Jubli Emas

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Tingkat kesedaran keselamatan kebakaran



PARA peserta diajarkan secara praktikal cara-cara menggunakan alat pemadam api yang betul.

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Bomba dan Penyelamat

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 18 Oktober. - Bahagian Perhubungan Awam, Cawangan Operasi 'A' memberikan Taklimat Keselamatan Kebakaran kepada pekerja dan kakitangan Syarikat Liftco Sdn. Bhd., di Kampung Salar, baru-baru ini.

Seramai 16 pekerja dan kakitangan Syarikat Liftco Sdn. Bhd. menghadiri taklimat tersebut, di mana mereka didedahkan dengan antara punca-punca kebakaran berlaku, beberapa cara menyelamatkan diri daripada kecemasan kebakaran, di samping diajarkan secara praktikal cara-cara menggunakan alat pemadam api yang betul dan selimut api.

Pada kesempatan ini, Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) ada menyediakan program-program keselamatan, seperti Taklimat Life Saver 995 dan Kursus Fire Marshal bagi mengetahui aspek-aspek keselamatan semasa menangani kecemasan juga tatacara yang betul bagi penggunaan alat pemadam api khususnya.

Jika berlaku sebarang insiden kecemasan, hubungi Talian Kecemasan Bomba 995 dan memberikan maklumat tepat.

Darussalam Menaiki Takhta dan Sambutan Memperingati Hari Ulang Tahun Penukaran Nama Bandar Brunei kepada Bandar Seri Begawan (BSB), sebuah program semi-akademik yang dinamakan Program Wonders of Sungai Brunei diungkuayahkan bersama oleh Pascasiswazah Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam (FPPI) yang melibatkan kedua-dua peringkat pengajian, iaitu Ijazah Doktor Falsafah dan Ijazah Sarjana dan Pusat Pengajian Siswazah (PPS), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA).

Program yang diadakan pada 16 Oktober 2020 itu berjaya menghimpunkan pegawai - pegawai, pensyarah-pensyarah, siswazah dan alumni UNISSA berserta ahli-ahli keluarga yang berbilang negara, bagi sama-sama menyaksikan keindahan lokasi-lokasi bersejarah di sepanjang Sungai Brunei, dengan menggunakan Kapal Persiaran MV Sentosa, Brunei River Cruise.

Program dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan doa yang dipimpin oleh Siswazah Program Sarjana Sejarah dan Tamadun Islam, Awang Hanafi bin Baha, yang diselajurkan dengan ucapan alu-aluan dan ibrah ringkas mengenai manfaat, keperluan dan kepentingan sungai (air) dalam kehidupan seharian, yang mengambil tema daripada nama program yang dijalankan, disampaikan oleh Ketua Program Lepas Ijazah Fakulti berkenaan, Dr. Ahamed Faosiy Ogunbado selaku Timbalan Penasihat Bersama bagi Program Wonders of Sungai Brunei di ruang legar Brunei River Cruise, Tambatan Queen Elizabeth II, Kampung Dato Gandi, Jalan Kota Batu.

Hadir pada program berkenaan ialah Dekan Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam, Awang Muhammed Sahrin bin Haji Masri; Pengarah Pusat Pengajian Siswazah selaku Penasihat Bersama Program, Dr. Hajah Sri Rahayu @ Nurjanah binti Haji Dollah; Timbalan Dekan Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam, Profesor Madya Dr. Anis Malik Thoha selaku Penasihat Bersama Program; Timbalan Penasihat Bersama Program, Dayang Noorhizrah binti Mohammad; Pengerusi Program, Dayang Rakinah @ Maimunah binti Haji Masri; dan Timbalan Pengerusi Program, Dayang Nurul Amalina binti Zullkiflee.

Antara objektif sasaran ialah memperkenalkan dan mengembangkan ilmu pengetahuan mengenai tempat-tempat bersejarah di Sungai Brunei, sekali gus memupuk minat dan rasa cinta kepada sejarah negara, mengeratkan silaturahim dan perpaduan serta membarigakan pengetahuan dan pengalaman bagi menyokong pembelajaran kondusif di luar kampus.

Perjalanan dimulakan dengan pengenalan ringkas mengenai sejarah Tambatan Queen Elizabeth II, yang merupakan sebuah tambatan yang dilalui oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen Elizabeth II semasa lawatan rasmi pertama baginda berserta rombongan pada tahun 1972 untuk menaiki kenaikan khas yang membawa baginda ke Tambatan Kastam Diraja Bandar Seri Begawan melalui Sungai Brunei, diiringi oleh perahu menteri-menteri yang mengibarkan bendera masing-masing melintasi Kampung Ayer.

Selain itu, penceritaan ringkas mengenai pulau-pulau yang terdapat di Sungai Brunei menjadi pembuka kata daripada fasilitator-fasilitator yang bertugas membarigakan sejarah-sejarah lokasi di sepanjang program, antaranya Pulau Chermin, Pulau Kaingaran, Pulau Baru-Baru, Pulau Berambang, Pulau Tarindak, Pulau Lumut Lunting, Pulau Sibungor, Pulau Ambok, Pulau Bukit Salat dan Pulau Jong Batu; diteruskan dengan pembarigakan cerita mengenai ladang-ladang ikan, Muzium Teknologi Melayu, Muzium Maritim Brunei Darussalam, Muzium Brunei, Taman Arkeologi

Kota Batu, Jambatan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Bubungan Dua Belas, Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan Brunei, mukim-mukim dan kampung-kampung di Kampung Ayer yang diceritakan mengikut laluan kapal persiaran yang dinaiki.

Para fasilitator terdiri daripada Dayang Nurul Amalina binti Zullkiflee, iaitu Siswazah Program Doktor Falsafah Sejarah dan Tamadun Islam serta Dayang Rakinah @ Maimunah binti Haji Masri dan Dayang Faridah binti Haji Puteh, iaitu Siswazah-siswazah Program Sarjana Pengurusan Pembangunan Islam.

Program tersebut turut mengangkat dan memperkenalkan hidangan kuih tradisi Brunei, antaranya Basong / Pasong, Pipis Pandan, Celurut Gulana, Wajid, Sago, Bekara Tahai, Bekara Kelapa, Popia Tahai, Pinyaram, Pais Manis, Kelupis dan Satay.

Aktiviti bagi kanak-kanak juga disediakan, selain aktiviti yang diselitkan di dalam buku program berbentuk *unjar* kata (*word search*) dan mengenal peta bagi kategori pulau-pulau yang terdapat di Sungai Brunei, dan teka silang kata bagi kategori kampung-kampung di Kampung Ayer.

Program turut diselajurkan dengan sesi penyampaian sijil kepada ahli-ahli jawatankuasa yang bertungkus-lumus dalam menayakan program, yang disempurnakan oleh Pengarah Pusat Pengajian Siswazah, UNISSA, Dr. Hajah Sri Rahayu @ Nurjanah binti Haji Dollah selaku Penasihat Bersama Program.

